

Jangan henti pekerja, bayar separuh gaji — MTUC

UM 26 SEP 2001

KUALA LUMPUR 25 Sept. — Majikan yang menghadapi masalah akibat kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS) digesa tidak memberhentikan pekerja sebaliknya membayar separuh gaji kepada pekerja yang menjalani latihan.

Naib Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohamed Shafie Mammal berkata, langkah itu bagi mengelakkan kesan yang lebih teruk kepada ekonomi negara apabila terlalu ramai pekerja dibuang.

Beliau yakin syarikat tidak akan menghadapi kerugian yang ketara jika membayar separuh gaji kepada pekerja yang mengikuti latihan kemahiran.

“Para pekerja yang mernjalani latihan yang disediakan oleh kerajaan tidak sepatutnya

diberhentikan,” katanya kepada *Utusan* hari ini.

Beliau mengulas keputusan kerajaan yang memperuntukkan sebanyak RM150 juta untuk melatih pekerja yang diberhentikan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengumumkan perkara itu hari ini berkata, peruntukan tersebut merupakan antara pakej rangsangan untuk memulihkan ekonomi negara ekoran serangan terhadap AS pada 11 September lalu.

Mengulas lanjut, Mohamed Shafie berkata, adalah menjadi satu kesilapan kepada majikan yang memberhentikan pekerjanya yang mendapat latihan kemahiran daripada kerajaan semasa kegawatan ekonomi.

Menurut beliau, pihak majikan akan rugi

jika pekerja mahir itu menyertai syarikat lain selepas ekonomi pulih.

Pihak majikan juga, tambahnya, perlu memaklumkan lebih awal kepada aekerja yang akan diberhentikan atau dihantar menjalani latihan.

“Ini bagi mengelakkan tidak berlaku kejut-an terutama di kalangan pekerja yang mempunyai tanggungan yang besar,” jelasnya.

Dalam pada itu, Mohamed Shafie meminta kerajaan memantau kilang-kilang yang mungkin mengambil kesempatan terhadap pengumuman kerajaan itu.

Selain itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana menyediakan peruntukan dan latihan bagi membantu golongan pekerja yang diberhentikan.